

**HEY STUDENT!** KADSIM boleh digunakan di karangkraf **KAD DISKAUN SISWA** **KLIK DISINI**

U-In-News > SEL KL > Pelajar PSA berkonvoi sempena Malaysia #Quran Hour

# Pelajar PSA berkonvoi sempena Malaysia #Quran Hour

WARTAWAN KAMPUS UOLS 30 August 2018



SHAH ALAM - Malaysia #QuranHour 1439 Hijrah yang berlangsung hari ini di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah disambut meriah dengan kehadiran orang ramai yang memenuhi ruang utama masjid bagi menjayakan program berinteraksi dengan al-Quran.

Bertemakan '9 Budaya Membina Tamadun' yang diambil daripada surah al-Naml, program kali ini agak istimewa kerana diadakan sehari sebelum sambutan Hari Kebangsaan ke-61.

Lebih menarik, program kali ini turut dimeriahkan dengan kedatangan warga kampus dari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) yang menyertai bacaan al-Quran dan kembara bermotosikal.

Menurut Pengarah PSA, Dr Mohd Zahari Ismail, hampir 200 kakitangan dan pelajar terlibat di dalam program Malaysia #QuranHour kali ini. Lebih istimewa, seramai 100 pelajar berkonvoi dengan motosikal dan disambut oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Dr Maszlee Malik di perkarangan masjid.

"Ini merupakan kali pertama PSA diberi peluang untuk menyertai program Malaysia #QuranHour.

"Program sebegini sangat baik kerana warga PSA telah belajar menghafal al-Quran secara terus. selain dapat belajar taranum dan

PROGRAM **wakaf AL-QURAN**  
KARANGKRAF KARYA BESTARI  
Bermula serendah **RM10**  
**KLIK SINI**

STAY CONNECTED



karangkraf **TIK! TOK!**  
3-7 SEPT 2018 **SALE!**  
**KLIK DISINI!**

Top 5

Video Hangat

1 Maszlee yakin ahli MPPK akan beri pandangan bernas

2 Canggih! 3,594 pelajar baharu mendaftar di UPM guna kad-maya sebagai identiti pengenalan

3 Pelajar Latihan Industri Unisel anjur program Permata Merdeka bantu kanak-kanak hayati erti kemerdekaan

4 Rupa-rupanya ini sebab Noor Syaznee, pelajar Sarjana Muda Sains Samudera UMT ditauliahi Kadet Terbaik

5 304 pelajar terlibat dalam program Mentor Mentee UniKL-MICET sempena STEM Day 2018

tadabbur dalam masa sejam dan ia merupakan pengalaman terbaik buat pelajar.

“Pelajar juga berminat dengan kaedah baharu ini dan program ini akan dikembangkan ke seluruh politeknik dan kolej komuniti di Malaysia sebagai usaha membudayakan al-Quran di kalangan pelajar,” katanya.



*Dr Zahari (kanan) bersama Datuk Dr Hussamuddin dan Dr Maszlee untuk menyambut ketibaan konvoi bermotosikal para pelajar PSA*



*Pelajar PSA bergambar kenangan bersama Dr Maszlee Malik dan pihak pengurusan Kumpulan Media Karangraf.*

Acara yang dimulakan kira-kira 12 tengah hari tadi dengan pembukaan bacaan surah al-Fatihah ayat satu hingga tujuh dan surah al-Baqarah ayat satu hingga lima, diikuti soladariti ngaji seterusnya berinteraksi dengan al-Quran menerusi surah al-Naml.

Sesi tadabbur surah al-Naml memfokuskan pembinaan tamadun Malaysia melalui pembentukan kerangka fikir dan tindakan golongan pemimpin dan masyarakat berbilang kaum berteraskan al-Quran, selaras dengan prinsip Rukun Negara dan #SayangiMalysiaku.

Antara tetamu yang hadir adalah Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik; Setiausaha Politik yang mewakili Menteri Besar Selangor, Borhan Aman Shah; Mufti Selangor Datuk Mohd Tamyas Abd Wahid; Pengarah

Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), Datuk Haris Kasim dan Duta #QuranHour, Ikon Keluarga My Family #QuranHour dan selebriti, Norman Hakim serta Pengasas Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (YWUI), Datuk Dr Hussamuddin Yaacob.

Malaysia #QuranHour dinaungi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan dianjurkan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, YWUI, Rumah Ngaji, Majlis Dakwah Negara, Akademi Sinergi Ikhlas Sdn Bhd dan Takaful Ikhlas Berhad.

Dalam pada itu, Malaysia #QuranHour turut diadakan serentak di lebih 2,000 lokasi di seluruh negara dan 18 tempat yang melibatkan 16 buah negara lain. Negara terlibat termasuklah Kazakhstan, Perancis, Indonesia, Rusia, Australia, Thailand, India, Turkmenistan, Poland, Herzegovina, Netherlands, Argentina, Qatar, Mesir, Oman dan Ireland.

PSA

MALAYSIA QURAN HOUR

KONVOI